

Malaysia harap Amerika tidak bebaskan Hambali
Free Malaysia Today
Ogos 23, 2016

Kerajaan bimbang bekas anggota Al-Qaeda itu akan membuka lembaran baru keganasan di rantau ini.

PETALING JAYA: Putrajaya berharap pihak berkuasa Amerika Syarikat akan menolak rayuan militan Indonesia, Riduan Isamuddin atau Hambali, untuk dibebaskan daripada kem tahanan di Teluk Guantanamo.

Timbalan Menteri Dalam Negeri Datuk Nur Jazlan dipetik akhbar The Star berkata, pembebasan Hambali akan membuka lembaran baru keganasan di rantau Asia Tenggara

Lembaga Kajian Berkala Amerika Syarikat dijangka akan memutuskan sama ada Hambali, yang ditahan di kem itu sejak 13 tahun, boleh dibebaskan.

Ia sejajar dengan janji Presiden Barack Obama untuk menutup kem itu susulan pendedahan penyeksaan banduan yang ditahan AS selepas dituduh menyertai kumpulan pengganas.

Nur Jazlan turut berharap Indonesia akan memenjarakan Hambali sekiranya dibebaskan.

“Hambali seorang individu berbahaya,” katanya mengenai bekas anggota kumpulan Al-Qaeda itu, yang dituduh mendalangi serangan bom Bali pada 2003 yang mengorbankan lebih 200 orang.

Hambali, kini 52, dipenjarakan di sebuah penjara di luar Amerika sebelum dipindahkan ke Guantanamo pada 2006.

Beliau yang dikenali sebagai “Osama bin Laden Asia Tenggara” turut dituduh melakukan serangan bom gereja di Indonesia dan merancang pembunuhan pemimpin dunia yang bersidang di Bangkok pada 2003.

Copyright (C) 2009-2016 MToday News Sdn. Bhd. All Rights Reserved.

Source: <http://www.freemalaysiatoday.com/category/bahasa/2016/08/23/malaysia-harap-amerika-tidak-bebaskan-hambali/>